

Kesan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan terhadap kualiti perhubungan pelajar berbilang etnik di Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kepelbagaian dan kerencaman dari segi budaya, etnik dan agama sememangnya menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Namun begitu, Malaysia masih tidak lekang daripada isu-isu etnik dan agama yang sensitif. Contoh terkini adalah isu pergaduhan antara etnik di Plaza Low Yat pada tahun 2015. Kejadian ini telah menimbulkan persoalan samada hubungan antara etnik di Malaysia kian rapuh? Jika benar, apakah mekanisme untuk memperbaiki hubungan ini? Menurut Teori Perhubungan (Contact Theory) yang diperkenalkan oleh Gordon Allport (1954), hubungan antara etnik dapat diperbaiki sekiranya sesuatu perhubungan itu memenuhi empat syarat iaitu persamaan status, persamaan matlamat, keizinan pihak berkuasa dan interaksi yang melibatkan kerjasama. Justeru, kajian ini adalah satu percubaan untuk mengaplikasikan Teori Perhubungan ini dalam aktiviti berkumpulan pelajar di Universiti Putra Malaysia dengan memberikan tumpuan pada aspek kerjasama. Untuk tujuan ini, sebuah eksperimen telah dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) TITAS dan Hubungan Etnik. Pelajar telah dibahagikan kepada satu kumpulan eksperimen, satu kumpulan kawalan dan dua kumpulan perbandingan. Kumpulan eksperimen dan kumpulan perbandingan telah diberikan tugas yang mempunyai sifat dan tahap kerjasama yang berbeza. Menurut hasil analisis ANOVA, tahap integrasi yang tinggi dan kerjasama antara pelajar yang berbilang etnik mempunyai kesan terhadap kualiti perhubungan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sesuatu perhubungan yang berkualiti dan baik itu perlu disertai dengan empat elemen yang dicadangkan dan sebaliknya akan berlaku jika sesuatu perhubungan itu tidak disertai empat elemen tersebut.

Kata kunci: Hubungan etnik; Teori perhubungan; Kerjasama; Universiti